

## Muslihat Radioaktif

# Ancaman Alam Sekitar Yang Ditimbulkan oleh Loji Pemprosesan Nadir Bumi Lynas di Malaysia

RINGKASAN LAPORAN 20 JUN 2014

[Tutup Loji LYNAS di Kuantan] Syarikat LYNAS perlu menutup loji pemprosesan nadir bumi (LAMP) di Kuantan, sehingga protokol perlindungan alam sekitar dan syarat amalan terbaik diterima dan sistem pelupusan sisa radioaktif di luar Malaysia yang sempurna dicapaikan.

[Menjana Pembangunan Hijau untuk Asia Tenggara dan Melindungi Alam Sekitar ] Merujuk perkara di atas, Kerajaan Persekutuan Malaysia harus menolak pemberian lesen operasi tetap kepada Syarikat Lynas - melindungi rakyat dan kepentingan alam sekitar Malaysia dalam pelaksanaan “Piawaian Pembangunan Hijau” untuk Asia Tenggara.

[Elakkan “Double Standard” – Hentikan Pencemaran Alam Sekitar di Negara Lain ] Kerajaan Australia , Jepun dan pihak berkepentingan dalam operasi kilang Lynas di Malaysia, mestilah mendukung piawaian perlindungan alam sekitar , sama seperti mereka yang menuntut perlindungan alam sekitar sendiri.

### Rumusan Pengenalan

Lynas Corporation, Ltd (Lynas) adalah sebuah syarikat perlombongan nadir bumi Australia, dengan pembinaan loji bernilai lebih A\$ 1 bilion di Kuantan, pantai timur Semenanjung Malaysia. Loji Lynas ini telah menjadi salah satu kilang pemprosesan nadir bumi terbesar di dunia, dan juga menimbulkan pelbagai masalah sosial dan alam sekitar .

Laporan ini mencadangkan bahawa pihak berkuasa Malaysia perlu menggantung lesen operasi sementara Lynas dan menghentikan pemberian lesen operasi tetap , yang akan diberikan pada bulan September 2014 , melainkan Lynas melengkapkan rombakan menyeluruh kecacatan kemudahannya untuk menaik taraf kilang itu terbaik amalan alam sekitar dan membentangkan pelan dan selamat berurusan dengan aliran sisa radioaktif dari kilang ini di luar Malaysia.

Greenpeace menyatakan bahawa pihak berkuasa Malaysia perlu menghentikan operasi Lynas di Kuantan sehingga protokol perlindungan alam sekitar dan syarat terbaik dicapaikan. Penyelesaian ini juga melibatkan tidak membuang sisa radioaktif di Malaysia.

Loji Lynas tidak dibina dengan teknologi yang terbaik. Syarikat Lynas tidak mengikut amalan alam sekitar terbaik di Malaysia dan tidak berfungsi mengikut piawaian antarabangsa seperti: pelepasan udara, pelepasan air dan pelupusan sisa sementara. Lynas tidak mempunyai pelan konkrit untuk pelupusan sisa, terutamanya sisa radioaktif. Selain itu, Lynas tidak memberi maklumat yang cukup bagi penilaian kesan alam sekitar yang terperinci. Jadi , kesan pencemaran loji ini masih tidak jelas.

Sebagai sebuah syarikat Australia, Lynas boleh, dan harus, mematuhi piawaian antarabangsa yang lebih tinggi seperti yang ditetapkan oleh negara asalnya. Undang-undang alam sekitar di Malaysia kurang ketat berbanding dengan negara lain, termasuk Australia, di mana syarikat itu perlu didaftar dan permit diberikan di bawah perundangan yang sangat ketat.

Penglibatan orang ramai dan maklumat awam dalam proses kelulusan pembinaan kilang Lynas sangat kurang. Dokumen diberikan oleh Lynas kepada pihak penyelia untuk mendapatkan lesen operasi adalah tidak mencukupi dan tidak boleh diakses oleh orang ramai. Situasi ini membimbangkan orang ramai dan akhirnya mengakibatkan bantahan secara ramai-ramai terhadap kilang.

Protes rakyat terhadap pembangunan ini dapat dilihat dalam kawasan Kuantan dan Balok dan seterusnya menjadi isu di seluruh Malaysia. Masalah ini juga menarik perhatian rakyat terhadap kesan alam sekitar dan kesihatan; khususnya kesan daripada sisa toksik radioaktif. Sehingga sekarang, pihak Lynas masih belum mengemukakan jalan penyelesaian yang selamat.

Penutupan loji Lynas adalah pilihan yang terbaik melainkan cara yang memuaskan diterima oleh masyarakat tempatan . Sebarang jalan penyelesaian masalah ini mesti telus dan melibatkan rundingan orang ramai . Penyertaan dalam membuat keputusan mesti mengandungi Penilaian Kesan Alam Sekitar terperinci yang memenuhi piawaian antarabangsa. Pihak Lynas perlu mengurus dengan bertanggungjawab dan sisa radioaktif tidak boleh dibuang di negara ini.

Laporan ini menunjukkan pihak Lynas gagal memenuhi komitmen perlindungan yang mencukupi bagi operasinya di Malaysia. Kerajaan Malaysia mempunyai hak untuk menghentikan Lesen Operasi Sementara(TOL) loji Lynas , khususnya melibatkan sistem pelupusan sisa radioaktif. Loji ini tidak menghasilkan apa-apa REE, jadi penutupan kilang tidak akan memberi kesan kepada pasaran REE global.

Dengan menggunakan cadangan ini, kerajaan Malaysia memberi satu mesaj yang jelas kepada semua industri bahawa pencemaran alam sekitar adalah tidak dibenarkan , tidak kira di negara perindustrian atau negara sedang membangun.

Laporan penuh akan diberikan. Jika anda belum mendaftar , sila layari sini ([Pautan Luar](#))

CADANGAN TERPERINCI DARI LAPORANINI TERMASUKLAH :

Kepada Syarikat Lynas :

1. Menutup loji pemprosesan Lynas (LAMP) di Kuantan, Malaysia, sehingga protokol perlindungan alam sekitar dan syarat yang telus diterima dan pengurusan sisa radioaktif di luar Malaysia didapati .

2. Pastikan dasar operasi Syarikat Lynas di luar Australia mengikut piawaian tertinggi, sekurang-kurangnya piawaian yang dilaksanakan di bawah undang-undang Australia.

Kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Dewan Undangan Negeri Pahang :

Khusus kepada Syarikat Lynas di Kuantan:

1. Menolak lesen operasi tetap Syarikat Lynas demi perlindungan kesihatan rakyat dan alam sekitar, sehingga syarikat mewujudkan protokol perlindungan alam sekitar dan syarat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi operasi kilang di Kuantan, dan juga cara yang boleh diterima bagi pengurusan sisa radioaktif di luar Malaysia.

Melaksanakan pembangunan hijau dan perlindungan alam sekitar Malaysia melalui :

1. Membangunkan garis panduan pembangunan mampan yang melindungi kepentingan alam sekitar dan orang ramai di Malaysia. Jadi, kerajaan boleh menerima prinsip panduan dan peraturan yang akan dilaksanakan dengan berkesan semasa mempertimbangkan projek kritikal alam sekitar dan pelaburan.

- (i) Prinsip Pencegahan
- (ii) Prinsip Penanggungan Pencemar
- (iii) Penglibatan orang awam dan masyarakat dalam Penilaian impak alam sekitar (EIA) dan proses kelulusan permit yang berkaitan; dan
- (iv) Pendaftaran sistem pencemaran yang memerlukan pendedahan maklumat alam sekitar daripada syarikat, dan juga enakmen dan pelaksanaan dasar "hak masyarakat untuk tahu ";

Kepada Kerajaan Komanwel Australia:

Memantau dan melaksanakan mekanisme untuk mengawal piawaian alam sekitar yang ketat bagi perniagaan Australia yang beroperasi di luar negara.

Kepada Kerajaan Jepun:

Sebagai pemilik daripada Syarikat Minyak, Gas dan Logam Nasional Jepun (JOGMEC) , dan juga pembiaya yang paling penting dalam Lynas di Malaysia, menghentikan semua pelaburan dalam LAMP, untuk mengelakkan pengulangan insiden sisa radioaktif di Bukit Merah.

Kepada BASF SE, Siemens AG dan syarikat lain :

Enggan meneruskan kontrak bekalan dengan Lynas selagi syarikat itu tidak mematuhi amalan alam sekitar yang terbaik dan tidak bertanggungjawab dalam pengurusan sisa radioaktif.